

Usim johan debat Piala Ibnu Khaldun

SEREMBAN – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) terus mencipta nama di arena perdebatan apabila menjuarai Kejohanan Debat Ekonomi Piala Ibnu Khaldun.

Pertandingan akhir debat yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat 3 Usim, kelmarin itu, membahaskan usul 'KWSP: Kera Di Hutan Disusukan' dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertindak sebagai kerajaan dan Usim sebagai pembangkang.

Pendebat Usim dibarisi Ikmal Jamaluddin, 19; Siti Suhaila Sharudin, 21; Ahmad Farouq Ahmad Fuad, 19 dan Wan Nur Afifah Wan Nafi, 19, bertemu dengan pasukan lawan dari UniSZA yang dibarisi Raja Mamat Raja Ibrahim, 20; Nor Fatin Syahirah Zulkapli, 20; Muhd Ammar Rafiq Ruslan, 20 dan Hapsah Mohd Saleh, 19.

Ketua Unit Pengurusan



Pendebat Usim (dari kiri, Affah, Farouq, ikmal dan Suhailah).

Acara dan Protokol, Pusat Komunikasi Strategik Usim, Mohd Zaini Othman berkata, pendebat Usim membawa pulang Piala Pusingan Ibnu Khaldun, wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penghargaan.

"Debat Ekonomi Piala

Ibnu Khaldun bermula pada 9 hingga 12 April disertai 32 orang pendebat dari pelbagai universiti antaranya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun," kata-

nya di sini, semalam.

Penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Usim, Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah dan Dekan FEM Profesor Madya Dr Amir Shahrudin.